

**Tabung Amanah Persatuan Hindu UPM Turut Dijaya Pelajar Melayu Dan Cina***Pelajar pelbagai bangsa kagum dengan kesenian budaya masyarakat India.*

**SERDANG, 19 Mac** – Malam Kebudayaan dan Kesenian Putra 2010 untuk mengutip dana Tabung Amanah Persatuan Hindu Universiti Putra Malaysia (UPM) turut dijayaikan oleh persebahan pelajar Melayu dan Cina.

*Warna-warni pakaian kaum India menyerikan wajah si pemakainya.*

Program yang mempersebahkan budaya dan tradisi masyarakat India turut dihadiri oleh pelajar pelbagai kaum, sejajar dengan tema 'pelajar berbilang kaum dan 1Malaysia'.

*Sebanyak 150 kg beras digunakan bagi menghasilkan seni corak India ini.*

Pengarah program yang merupakan pelajar tahun akhir Bachelor Pendidikan Moral Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, Kumar Arumugam berkata program itu dapat mengeratkan hubungan silaturahim pelajar UPM yang berbilang kaum.



Warga OKU yang menghidap syndrom down mempersembahkan tarian bollywood yang mencuit hati para penonton pada malam tersebut.

"Selain persembahan Satu Malaysia, kami juga menyediakan persembahan tarian kaum India oleh kanak-kanak kurang upaya sindrom down dari Pusat Jagaan Kanak-Kanak Airtass," katanya yang turut menyediakan tabung derma kepada pusat tersebut.



Setiausaha Kebangsaan MIC, S. Murugesu menandatangani buku dari Jabatan Penerangan Negeri .

Beliau berkata Tabung Amanah Persatuan Hindu tersebut akan disalurkan kepada ahli persatuan pelajar yang berpendapatan rendah dan menghadapi masalah kewangan.



Tutor UPM, Vahid Nimechie dari Iran tertarik dengan keindahan warna-warni yang diketengahkan oleh masyarakat India.

Setiausaha Kebangsaan MIC, S. Murugesu berkata pihaknya bangga dengan usaha pelajar menganjurkan majlis itu yang prihatin terhadap kebudayaan.

"Saya difahamkan dana ini akan disalurkan kepada pelajar India yang kurang berkemampuan bagi menanggung kos pembelajaran. Usaha ini amat terpuji dan mencerminkan ketinggian nilai yang dimiliki oleh seorang pelajar," katanya ketika menyampaikan amanat Presiden MIC, Dato' Seri S. Samy Vellu.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.  
(Mohd Faisal Md Noor 03-89466011).**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia